

KEPADA PENULIS DAN PENYUMBANG YANG DIHORMATI,

Terima kasih kerana memberi peluang kepada New Naratif untuk menerbitkan karya anda dan untuk sumbangan anda.

Kami menghargai sumbangan anda, dan dengan itu, kami ingin pastikan bahawa kami terus tulus dan jujur dengan misi dan visi New Naratif. Dokumen ini bertujuan untuk melaraskan dan menjelaskan terma dan syarat kami berkenaan karya anda, dan juga hak-hak anda sebagai pencipta kandungan.

Dokumen ini bukan kontrak sah, tetapi adalah inisiatif kami untuk menjelaskan terma kami bagi mengelakkan segala salah faham yang mungkin timbul.

Jika anda inginkan sebuah kontrak yang sah di sisi undang-undang, atau inginkan terma yang berlainan, sila hubungi Ketua Pengarang Urusan kami, PJ Thum, di pingtjin.thum@newnaratif.com

HAK ANDA SEBAGAI PENCIPTA KANDUNGAN DAN HAK-HAK YANG DIBERI KEPADA NEW NARATIF

Anda adalah pemilik kerja anda, dan anda memberi kebenaran kepada New Naratif untuk menerbitkan karya anda di mana-mana di dunia, untuk selama-lamanya (kerana karya anda akan diterbitkan di laman web sedunia, ianya boleh diakses oleh sesiapa sahaja, di mana sahaja di dunia, selama-lamanya!).

Anda juga bersetuju untuk memberi kebenaran kepada New Naratif untuk menerbitkan semula karya anda, termasuk di versi bercetak berkala New Naratif atau dimana-mana antologi atau kompilasi.

Kebenaran ini adalah tidak eksklusif: selepas tempoh eksklusif selama tiga (3) bulan, anda boleh memberi hak/menjual hak karya anda kepada sesiapa saja. Namun, dalam tempoh tiga bulan ini, bermula dari tarikh penerbitan karya anda, anda bersetuju untuk tidak menerbitkan kandungan itu di tempat atau format yang lain.

Jika kerja tidak dapat diterbitkan secara langsung atau dalam format asal, tetapi harus disesuaikan (contohnya kerana ia merupakan skrip yang perlu dicatat atau ditulis), maka anda memberikan New Naratif hak untuk menyesuaikan karya itu kepada format yang dituju.

Kami tidak akan menyesuaikan atau mengubah format karya atau kandungan anda tanpa kebenaran anda.

TERMA PEMBAYARAN

New Naratif akan memberi anda bayaran yang ditetapkan sebagai pembelian hak karya anda.

Walau bagaimanapun, kami juga berhak untuk tidak menerbitkan karya itu.

Jika kami membuat keputusan untuk komisi karya anda, tetapi semasa proses penyuntingan, Ketua Pengarang memutuskan bahawa kami tidak dapat menerbitkan karya anda atas apa-apa sebab, kami akan membayar yuran pampasan sebanyak 25 peratus dari yuran yang dipersetujui (misalnya, jika yuran adalah USD 200, maka kami akan membayar anda USD50).

Selepas Ketua Pengarang yang berkaitan memutuskan bahawa kerja anda telah lengkap, anda mesti menyediakan invoice untuk harga yang dipersetujui.

Kami biasanya membayar dalam tempoh 24 jam, tetapi kadang-kadang kelewatan berlaku. Namun, kami pasti akan membayar anda dalam tempoh 30 hari dari penerimaan invoice.

Cara pembayaran

Sila invoiskan bayaran anda kepada alamat berikut:

Observatory Southeast Asia
7200 The Quorum, Oxford Business Park North
Oxford OX4 2JZ
United Kingdom

Beberapa nota penting:

Kami biasanya membayar menerusi TransferWise kepada akaun anda. Tetapi, kadangkala kami mendapati bahawa ada bank yang mengenakan yuran yang tinggi untuk transaksi SWIFT antarabangsa. Kami akan membayar amaun yang dipersetujui, tetapi anda bertanggungjawab untuk apa-apa fi atau yuran yang dikenakan oleh bank anda.

Kami melakukan bayaran melalui PayPal atau menerusi pindahan bank akaun. (Hanya di dalam United Kingdom)

Butiran yang harus didapati di dalam invoice anda adalah:

- Alamat emel
- Nama penuh (sepertimana bank akaun anda)

- Alamat penuh anda, bukan alamat bank anda
- Butiran bank anda (dimana perlu), iaitu:
 - Matawang akaun, sebagai contoh: Ringgit Malaysia (RM), USD, EUR...
 - Nombor akaun
 - IBAN
 - SWIFT
 - Kod laluan, atau 'routing code'
 - Apa-apa kod bank yang diperlukan

Sila berikan alamat emel anda kepada kami untuk bayaran melalui Paypal.